

# Pelajar UMSKAL duta kecil pelancongan

NST 12.9.2013 5

LABUAN: Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan, Rozman Datuk Isli berkata, pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan mampu menjadi duta kecil dalam mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Katanya, mereka yang sebahagian besarnya merupakan pelajar luar dari Labuan boleh membantu menarik lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa dengan menguar-kuarkan produk pelancongan yang terdapat di pulau ini.

Rozman turut berharap pelajar, pegawai dan pensyarah yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung serta luar negara akan dapat mempelawa ahli keluarga dan rakan-rakan mereka untuk berkunjung ke Labuan.

"Kehadiran para pelajar ke Labuan bukan saja akan menambah bilangan penduduk di pulau ini, malah meningkatkan sedikit sebanyak ekonomi penduduk setempat sekaligus

menambah kuasa beli perniagaan dan perkhidmatan pulau ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan Minggu Suai Mesra UMSKAL sesi 2013/2014 di Dewan Utama universiti itu di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalannya, Dr Geoffery Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains, Informasi Labuan (SSIL), Dr. Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL).

Dalam perkembangan yang lain, Rozman yang juga Pengerusi Prbadanan Labuan berkata, kerajaan pusat telah sedang dan akan terus memastikan Labuan warganya mendapat perhatian dan pembelaan yang sewajarnya dalam arus pembangunan perdana bersama-sama negeri-negeri lain. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN** (jainudin@newsabah-times.com.my)



MESRA.... Rozman bersama Prof Madya Dr. Ismail (kanan) ketika hadir pada majlis Suai Mesra UMSKAL sesi 2013/2014 di Dewan Utama universiti itu, kelmarin.